

**Najib Lawat Pameran IGEM2013 Dan GES2013**  
**Bernama**  
**12 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Sabtu meluangkan masa melawat Pameran dan Persidangan Produk Teknologi Hijau dan Eko Antarabangsa (IGEM 2013) yang diadakan sempena Sidang Kemuncak Keusahawanan Global (GES) 2013.

Najib yang berpakaian kasual, ditemani dua anak beliau, Norashman dan Nooryana Najwa, berada di sana kira-kira sejam. Turut mengiringi Najib ialah Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Dr Maximus Ongkili, Ketua Pegawai Eksekutif Multimedia Development Corp Datuk Badlisham Ghazali dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia Datuk Hafsa Hashim.

Najib telah melancarkan kedua-dua acara ini semalam.

GES 2013 yang berlangsung selama dua hari, bakal berakhir hari ini telah menghimpunkan seramai 4,700 peserta dari lebih 100 negara.

Antara tetamu kehormat yang menghadiri persidangan ini ialah Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) John Kerry dan Setiausaha Perdagangan AS Penny Pritzker.

IGEM 2013, yang berlangsung selama empat hari bermula semalam, disertai 469 pempamer dari 23 negara termasuk Kesatuan Eropah, Jerman, Taiwan, China, Korea Selatan, Jepun dan Singapura.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985211>